

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD**  
**[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN : 354**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme kajian yang dilaksanakan oleh badan bebas yang dilantik pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengkaji tahap persepsi rasa selamat rakyat dan sejauh manakah hasil kajian ini dapat menyumbang ke arah tahap kecekapan PDRM pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian *Perception of Crime Indicators* (PCI) dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan persepsi masyarakat ke atas kejadian jenayah di Malaysia. Kajian berkenaan merupakan salah satu program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA (*National Key Result Area*) diwujudkan pada tahun 2015 dan berakhir pada 2017. Kajian telah dilaksanakan oleh Unit Penyampaian dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM).

Setelah itu, kajian ini telah dilakukan secara dalaman oleh PDRM namun Kementerian berpandangan tidak sesuai dilaksanakan kerana boleh mewujudkan kesangsian kepada masyarakat seperti memanipulasi data, tidak telus dan sebagainya. Kementerian mencadangkan supaya dilantik satu badan bebas bagi membuat kajian jika terdapat keperluan untuk mengetahui keadaan sebenar persepsi rasa selamat di kalangan rakyat seiring dengan penurunan kadar jenayah yang dicatatkan setiap tahun.